

Tumpu rumah kos rendah

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 8 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pemaju perumahan supaya memberi keutamaan menyiapkan projek rumah kos rendah terlebih dahulu setiap kali melaksanakan projek baru.

Perdana Menteri menegaskan, ini kerana rumah kos rendah sentiasa mendapat permintaan terutama daripada penduduk yang terbabit dalam pemindahan rumah setinggan.

“Maka wajarlah rumah kos rendah itu seboleh-bolehnya diutamakan berbanding projek perumahan kos mewah,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan projek Pantai Sentral Park, Pantai Dalam, di sini hari ini.

Pantai Sentral Park yang mengandungi 3,234 unit kediaman mampu milik sehingga kepada rumah kos tinggi bakal mengubah landskap Pantai Dalam tetapi kehijauan alam sekitar tetap kekal.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah turut memberi amaran untuk tidak lagi memberi projek jika pemaju gagal menyiapkan rumah kos rendah mengikut jadual yang ditetapkan.

“Saya tanya pemaju Pantai Sentral Park, dia janji siap dalam dua tahun untuk rumah kos rendah, saya kata

buatlah, kalau tak siap tak ada projek lagilah,” kata Perdana Menteri.

Beliau juga turut mengingatkan penghuni rumah pangsa memastikan kediaman mereka bersih dan selamat dan tidak membiarkan keadaan yang kotor.

“Bila kediaman kita indah, kita akan rasa senang hati dan selesa,” katanya.

Beliau turut menyentuh isu hubungan antara kaum dan agama yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak selesa jika tidak ditangani segera.

Dalam hal itu, beliau memuji rakyat yang tahu untuk mengawal isu-isu sensitif daripada merebak.

“Saya ditanya dua perkataan untuk menggambarkan bagaimana rakyat Malaysia yang berbilang kaum boleh hidup dengan aman dan selamat. Saya jawab tolak ansur dan kerja keras,” katanya.

Sehubungan itu beliau menyeru semua pihak menjalankan peranan supaya negara ini akan terus berada dalam keadaan baik dan boleh mewujudkan peluang yang lebih baik.

Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan.

Um - 9/3/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi mendengar penerangan Pengarah Amona Development Sdn. Bhd., Abd. Hamid Mohamed (kanan) mengenai projek Pantai Sentral Park di Bukit Kerinchi pada majlis pecah tanah dan perasmian projek tersebut di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar IZHAM JAAFAR